



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
(THE SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

(Diperbadankan di bawah Akta Parlimen NO. 409 Tahun 1968 / Law of Malaysia Act 409 1968)

Ruj.Kami : PPM-2 (042)/2018
Tarikh : 07 Februari 2018

Edaran Seperti Lampiran

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan,

**TAWARAN MENGHADIRI KURSUS KEJURULATIHAN ANTARABANGSA
(COURSE FOR LEADER TRAINER-CLT)- 2018**

Dengan segala hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) melalui Pasukan Latihan Negara (PLN) akan menganjurkan Kursus Kejurulatihan Antarabangsa (Course for Leader Trainer-CLT) 2018 seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 09 hingga 16 Mac 2018
Tarikh Pendaftaran : 09 Mac 2018(mulai jam 10.00pagi-2.30petang)
Tarikh Tamat : 16 Mac 2018(4.00petang)
Tempat : Mutiara Semenyih Training Village and Eco Resort
Jalan Sungai Lalang, Semenyih, Selangor
Yuran : RM 500.00 (seorang)
(merangkumi makan/minum, penginapan, keperluan kursus dan sijil kehadiran kursus).

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, syarat-syarat untuk menghadiri kursus Kejurulatihan Antarabangsa (Course for Leader Trainer-CLT) sepertimana yang telah ditetapkan oleh Pasukan Latihan Negara adalah seperti berikut:

- 2.1 Warganegara Malaysia dan Ahli Persekutuan Pengakap Malaysia.
(salinan Kad Pengenalan dan Kad Keahlian tahun semasa diperlukan);
- 2.2 Mempunyai tauliah sebagai Pemimpin atau Tauliah Tugas Khas di peringkat Daerah/Negeri/Kebangsaan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia.(salinan tauliah diperlukan);
- 2.3 Telah mempunyai Sijil C.A.L.T dan telah dianugerahkan 3 butir manikayu tidak kurang dari 3 tahun. (salinan sijil C.A.L.T diperlukan);
- 2.4 Mempunyai sijil 2 butir manikayu dari 2 unit pengakap (manikayu yang kedua sekurang-kurang telah menghadiri kursus kepimpinan manikayu peringkat III (bahagian 1 & 2). (salinan sijil diperlukan);

- 2.5 Mempunyai sijil Kursus Penarafan Penaraf Pengakap Raja atau sijil Penilaian Penilai Anugerah B-P. (salinan sijil diperlukan) jika belum mengikuti kursus tersebut, permohonan menyertai C.L.T boleh dipertimbangkan dengan bersyarat.;
- 2.6 Berumur tidak kurang daripada 35 tahun.;
- 2.7 Memegang jawatan dan aktif sebagai pemimpin di Kumpulan atau aktif sebagai Penolong Jurulatih di peringkat Daerah/Negeri dan Kebangsaan.;
- 2.8 Sihat fizikal, emosi dan mental.;
- 2.9 Sikap kesukarelaan tinggi, ikhlas dan pro-aktif.;
- 2.10 Tidak mempunyai rekod jenayah atau tindakan disiplin oleh Persekutuan Pengakap Malaysia.
- 2.11 Mendapat sokongan daripada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri bagi pemimpin Negeri atau oleh Pesuruhjaya Latihan Negara bagi Pegawai yang bertugas di Ibu Pejabat PPM.;
- 2.12 Boleh mengikuti kursus sepenuh masa.;
- 2.13 Memakai pakaian seragam lengkap Penolong Jurulatih.;
- 2.14 Berkebolehan mengajar dan melatih pemimpin; dan
- 2.15 Menghantar borang permohonan yang lengkap tepat pada masanya.


3. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama dan perhatian YBhg. Dato/Datuk/Tuan/Puan, agar dapat mencalonkan Penolong Jurulatih Kebangsaan (pemegang manikayu 3 butir) yang layak dan memenuhi syarat-syarat di atas daripada Negeri di bawah jagaan YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan seramai Lima (5) orang. *Yuran penyertaan kursus adalah ditanggung sendiri oleh calon atau PPM Negeri.*

4. Bersama-sama ini juga, dikepilkkan borang-borang berkaitan pencalonan menghadiri kursus untuk makluman dan tindakan YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan. Borang pencalonan hendaklah dikembalikan kepada Bahagian Latihan Ibu Pejabat PPM melalui pos, fax atau email mohdazri@scouts.my sebelum **1 Mac 2018**. (permohonan selepas tarikh akhir tidak akan dipertimbangkan).

Segala kerjasama dan perhatian dari pihak YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam kelancaran program yang akan dijalankan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN”

Yang menjalankan tugas
Persekutuan Pengakap Malaysia,



DATO' RAJA RUSLAN BIN RAJA SAMAH
Ketua Pegawai Eksekutif

- s.k:
- YBhg. Tan Sri Dato' Seri Paduka Ketua Pengakap Negara
 - YBhg. Dato' Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
 - Tuan Pesuruhjaya Latihan Negara

Ruj.Kami : PPM-2 (042)/2018
Tarikh : 07 Februari 2018

LAMPIRAN -1

YBhg. Datuk Dr. Haji Awang Zainie bin Haji Suntim
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sabah

YBhg. Tuan Haji Ishak bin Mohd Jonid
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor

YH. Dato' Haji Lias bin Mohd. Noor
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pahang

YBhg. Tuan Haji Yaacob bin Abdul Karim
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor

YBhg. Tuan Haji Zulkafli bin Kamaruddin
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang

YBhg. Tuan Haji Ahmad Azam Shah bin Abd. Majid
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perak

YBhg. Encik Hamdan bin Haji Mohd Nor
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sembilan

YBhg. Encik Hong Heng Chee
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Wilayah Persekutuan Labuan

YBhg. Encik Mohd Zamir bin Mohd Sharif
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Melaka

YBhg. Tuan Haji Che Soh bin Muda
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Terengganu

YBhg. Prof. Madya. Dr. Abdul Rashid bin Mohamad
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri K.L.K.M

YBhg. Encik Sudaryo bin Osman
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak

YBhg. Tuan Haji Aminuddin Bin Mohamad
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kelantan

YBhg. Tuan Haji Mohd Nizar bin Yusoff
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kedah

YBhg. Encik Azmi bin Abdullah
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perlis

YBhg. Datuk Haji Zakran bin Abdul Manan
Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara- Pengurusan
menjalankan tugas
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

YBhg. Encik Zainal Ariff bin Mat
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri KLM/IPGM/KPM